Sepertimana Berkuatkuasa
Pada Ogos. 2003

Penyiasatan Polis & Anda

Kempen Pengantaraan Dan Kesedaran Undang-Undang

BAR COUNCIL
LEGAL AID CENTRE SELANGOR
NO. 41A, JALAN BOLA JARING,
13/15 SECTION 13,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR.
TEL: 03-5510 7007 / 7008
FAX: 03-5510 7009

A Public Service Initiative of : The Bar Council.
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2031 3003
Fax : 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my

1. BILAKAH PENYIASATAN BERMULA?

Penyiasatan bermula sebelum sesuatu tuduhan dikenakan ke atas anda, untuk memastikan sama ada terdapat sebarang atau cukup bukti untuk mempertahankan tuduhan tersebut.

2. SIAPA YANG BOLEH MENYIASAT ANDA?

- Pegawai Polis
- Pegawai Penguatkuasa Dadah
- Pegawai Pencegah Rasuah
- Pegawai Kastam
- Pegawai Imigresen

3. ADAKAH ANDA AKAN DITANGKAP ATAU DITAHAN SEMASA SIASATAN DIJALANKAN?

Seseorang yang telah dituduh atau dikaitkan dengan, atau disyaki melakukan sesuatu kesalahan boleh ditangkap oleh polis. Apabila sesuatu kesalahan boleh tangkap seperti pembunuhan, rompakan atau kecurian disyaki telah dilakukan, seorang pegawai polis boleh menahan pesalah tanpa waran tangkap atau perintah daripada Pendakwa Raya semasa siasatan dijalankan.

Selepas anda ditangkap, anda tidak boleh ditahan tanpa kepastian masa di dalam tahanan polis sepanjang siasatan polis. Anda akan dibawa kehadapan seorang majistret untuk menerima tuduhan dalam masa 24 jam selepas penahanan. Polis yang memerlukan lebih masa untuk menyiasat mesti membawa anda kehadapan Majistret untuk memohan keizinan bagi menahan anda selanjutnya.
(Jangkamasa maksima : 15 hari).

Jika tahanan selanjutnya diperlukan anda boleh dilepaskan dengan jaminan polis untuk memastikan anda hadir di Mahkamah pada tarikh yang ditetapkan. Ikat jamin tidak wujud di dalam kes-kes tertentu, seperti anda di tuduh membunuh atau melakukan pecah amanah jenayah.

4. PERLUKAH ANDA MENJAWAB SOALAN POLIS?

Jika anda tidak ditangkap tetapi hanya dipanggil oleh pihak polis untuk disoal siasat, anda wajib menyatakan yang benar dan menjawab semua soalan-soalan yang dikemukakan kepada anda oleh Pegawai Polis Penyiasat, kecuali soalan-soalan yang berkemungkinan akan mendedahkan anda kepada tuduhan jenayah, penalti atau pelucutan hak (hak menunjukkan diri tidak bersalah).

5. ADAKAH ANDA BERHAK UNTUK BERDIAM DIRI?

Jika anda telah ditangkap atau dituduh di dalam Mahkamah atas sesuatu kesalahan, sebarang percubaan oleh pihak polis untuk merekodkan

sesuatu kenyataan daripada anda mesti didahului dengan pernyataan beramaran seperti berikut:

"Adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memberi anda amaran bahawa anda tidak wajib berkata apa-apa, atau menjawab sebarang soalan, tetapi apa-apa yang anda katakan sama ada menjawab soalan atau tidak, boleh digunakan sebagai bahan bukti sewaktu anda dibicarakan kelak".

Setelah penahanan tersebut, anda berhak untuk berdiam diri. Jika anda tidak diberi amaran, apa-apa yang anda katakan selepas anda ditahan tidak boleh digunakan sebagai bahan bukti diwaktu perbicaraan.

6. BOLEHKAH SEGALA YANG ANDA KATAKAN DIGUNAKAN TERHADAP ANDA KETIKA PERBICARAAN?

Ya, jika kenyataan anda dibuat secara suka rela (tanpa paksaan, dorongan atau janji daripada polis) dan selepas anda diberikan kenyataan amaran secara betul. Ia juga mestilah berkaitan dengan kes anda.

A Public Service Initiative of : The Bar Council.
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2031 3003
Fax : 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my